

## **Teks Ucapan Sempena Majlis Perasmian Hari Sukan Negara 2022**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 08/10/2022

---

**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI SUKAN NEGARA 2022**

**8 OKTOBER 2022 | SABTU | 7.30 PAGI  
ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Sambutan **Hari Sukan Negara 2022 (HSN2022)** pada pagi ini.
2. Hari Sukan Negara telah meletakkan aktiviti sukan dan riadah sebagai satu medium bagi menerapkan gaya hidup aktif dan cergas sepanjang hayat

dalam kalangan Keluarga Malaysia seperti yang dihasratkan dalam Dasar Sukan Negara.

3. Pembudayaan sukan ini bertujuan meningkatkan tahap kecergasan fizikal dan mental masyarakat, mengenal pasti bakat sukan, meningkatkan produktiviti, menjana kesejahteraan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

4. Pada sambutan HSN2022 ini, terdapat banyak aktiviti telah direkodkan menerusi Portal Hari Sukan Negara. Saya dapat melihat penglibatan seluruh rakyat daripada pelbagai peringkat umur dan bangsa.

5. Saya yakin program ini dapat mencapai hasrat untuk menggalakkan masyarakat bersukan sebagai sebahagian daripada budaya gaya hidup sihat dan aktif.

6. Pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang besar terhadap perkembangan sosioekonomi negara dan telah mempengaruhi pola dan cara kita menjalani kehidupan, berfikir, bekerja, dan bersukan.

7. Bagaimanapun, pandemik ini tidak menghalang kita untuk terus kekal cergas dan mengamalkan gaya hidup aktif dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Fasa Peralihan ke Endemik.

8. Alhamdulillah situasi keadaan semasa telah beransur-ansur kembali kepada keadaan yang lebih baik. Jadi, sudah tidak ada alasan untuk kita tidak bersenam atau bersukan.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

9. Hari Sukan Negara pada tahun lalu melibatkan lebih 2.6 juta peserta, merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan meskipun kita masih berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19.

10. Saya difahamkan pada tahun ini HSN2022 menyasarkan penglibatan seramai 4.5 juta Keluarga Malaysia dalam aktiviti-aktiviti sukan yang dianjurkan.

11. Strategi yang digunakan untuk pelaksanaan HSN2022 adalah:

Satu: Pelaksanaan HSN2022 akan dilaksanakan secara menyeluruh sehingga ke peringkat akar umbi;

Dua: Kerjasama strategik dengan pemegang taruh dan rentas Kementerian/Agensi bagi menganjurkan aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan;

Tiga: Melibatkan golongan profesional, mempengaruhi sosial atau social influencer, pemain industri sukan, atlet dan ikon-ikon sukan untuk menarik penglibatan rakyat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan; dan

Empat: Perintis kepada semua pemain industri sukan bagi menonjolkan peranan dan fungsi masing-masing kepada masyarakat sekali gus menjadi pencetus pembentukan ekosistem industri sukan negara.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

12. Kerajaan sentiasa komited membangunkan industri ini menerusi pelbagai pakej bantuan prihatin agar pemain industri dalam bidang sukan dapat terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

13. Saya juga difahamkan bahawa Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur 2022 sedang berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil yang merupakan sebuah ekspo sukan merangkumi pelbagai acara sukan dalam satu masa dan tempat.

14. Ekspo ini menjadi salah satu platform utama untuk menonjolkan potensi, impak besar dan sumbangan industri sukan terhadap pembangunan ekonomi dan pendapatan negara.

15. Segala komitmen Kerajaan ini menandakan keprihatinan yang tinggi dalam membantu pemain industri sukan menjana ekonomi negara melalui pengoperasian, sokongan dana, penganjuran program di peringkat domestik dan antarabangsa.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

16. Alhamdulillah, Visi Sukan Negara 2030 telah siap dibangunkan dan akan dilancarkan oleh saya hari ini. Syabas saya ucapkan kepada Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu serta seluruh warga KBS yang bertungkus lumus membangunkan blueprint ini.

17. VSN2030 merupakan hala tuju dan perancangan baharu pembangunan sukan negara yang dipetakan secara komprehensif, bersepadu dan kolektif bagi tempoh 10 tahun.

18. VSN2030 akan memberikan nafas baharu buat arena sukan negara dengan konsep '**Daripada Komuniti Kepada Komuniti**', melibatkan seluruh Keluarga Malaysia bagi merencana strategi sukan negara untuk 10 tahun ke hadapan.

19. Ia juga meneruskan legasi sukan sebagai alat perpaduan yang ampuh dalam masyarakat serta melahirkan jaguh-jaguh berkelas dunia dan akan menjadi dokumen rasmi Kerajaan dalam pembangunan sukan tanah air.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

20. VSN2030 juga merupakan sebuah dokumen dasar yang berkonsepkan pendemokrasian sukan dengan keterbukaan untuk menerima pandangan dan suara semua pihak.

21. Dokumen ini akan sentiasa diteliti dari semasa ke semasa bagi memastikan ia kekal relevan dalam memacu industri sukan Malaysia untuk terus gemilang sehingga tahun 2030.

22. Di samping itu, saya juga meminta KBS berusaha meningkatkan lagi pembudayaan dan pencapaian sukan melalui usaha-usaha proaktif seperti:

Pertama: Tawaran pemberian biasiswa dan peluang melanjutkan pelajaran kepada atlet-atlet yang cemerlang dan berjaya memenangi pingat bermula daripada peringkat temasya Sukan Malaysia (SUKMA) dan kejohanan peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan;

Kedua: Bekas-bekas atlet yang berkemahiran akan dipertimbangkan sebagai Jurulatih Pendidikan Jasmani dan akan dilibatkan dalam inisiatif pencarian bakat sukan di peringkat akar umbi melalui program My Talent Identification (MyTID);

Ketiga: Semakan dan pewartaan semula Jadual Pertama di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997, yang mana jenis-jenis sukan yang tersenarai akan ditingkatkan dan sukan elektronik juga akan turut disenaraikan; dan

Keempat: Menaik taraf fasiliti-fasiliti sukan bagi meningkatkan akses kepada kemudahan sukan dan secara tidak langsung meningkatkan penglibatan Keluarga Malaysia untuk bergiat aktif dalam aktiviti bersukan.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

23. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menyokong usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan dengan sasaran sekurang-kurangnya dua per tiga rakyat Malaysia bersenam dan aktif bersukan sekurangnya 5 sesi seminggu dan 30 minit setiap sesi.

24. Inilah semangat sebenar Hari Sukan Negara, di mana seluruh Keluarga Malaysia bersama-sama bersukan walau di mana mereka berada, seterusnya dapat meningkatkan kecergasan diri dan produktiviti.

25. Sekali lagi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada KBS atas kejayaan penganjuran sambutan Hari Sukan Negara 2022 ini.

26. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan **Hari Sukan Negara Tahun 2022 dan Melancarkan Visi Sukan Negara 2030.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal HidayahWassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/hari-sukan-negara-2022/>